

DOA PENUTUP:

Anda meminta tangan saya agar anda dapat menggunakannya untuk tujuan anda, Saya memberikan mereka untuk sebentar, kemudian menarik balik, kerana kerjanya amat menyukarkan.

Anda meminta mulut saya untuk bersuara menentang ketidakadilan. Saya memberikan satu bisikan agar saya tidak akan dituduh.

Anda meminta kehidupan saya agar anda dapat bekerja melalui saya. Saya memberikan sebahagian kecil agar saya tidak terlibat dengan mendalam.

Tuhan, maafkan usaha-usaha saya yang terkira dalam melayani anda Hanya apabila saya senang melakukannya, Hanya di tempat-tempat yang selamat untuk melakukannya, Dan hanya pada mereka yang mudah untuk melakukannya.

Tuhan, maafkan saya, perbaharui saya, sembuhkan saya, pelihara saya, Berikan kuasa kepada saya, hantarkan saya sebagai alat keamanan dan keadilan anda Supaya saya memandang serius pengertian hamba dan kepimpinan. Amin.

(Joe Seramane, Christian Aid Lifeline, Afrika Selatan)

LAGU PENUTUP:

Doa St. Fransiskus

1. Tuhan jadikanlah daku
Alat di dalam karya damai_Mu
Di mana terdapat kebencian
Biar cinta ku taburkan

Korus:

*Tuhan supaya daku mencari
Lebih menghibur daripada
dihibur*

*Lebih mencinta dari dicinta
Lebih mengerti dari dimengerti*

2. Tuhan jadikanlah daku
Alat di dalam karya damai-Mu
Di mana terdapat kegelapan
Biar cahaya ku pancarkan



Disembuh untuk


MEMULIHKAN PENCIPTAAN

FOKUS: Pengawasan Penciptaan Tuhan **ACARA:** Santo Fransiskus dari Assisi

PENGENALAN: Pada 29 November 1979, Santo Yohanes Paulus II mengisytihar Santo Fransiskus sebagai Santo Penaung kepada Ekologi. Santo Fransiskus berkhotbah akan kesempurnaan dan keindahan dunia yang diciptakan oleh Tuhan, dan oleh itu, semua makhluk harus memuji Tuhan dan manusia mempunyai kewajiban untuk melindungi dan menikmati alam sekitar sebagai pengawas ciptaan Tuhan dan termasuk kita sebagai makhluk.

Santo Yohanes Paulus II berkata, "Cinta kasih dan kesayangan Santo Fransiskus kepada ciptaan adalah satu peringatan supaya tidak bersikap seperti pemangsa dan penentang alam, tetapi bertanggungjawab dan menjaga semua kekal sihat dan bersepadu." Santo Fransiskus "menunjukkan kepada orang Kristian satu teladan ketulusan dan penghormatan yang mendalam terhadap integriti ciptaan dan mengabdikan diri sendiri untuk memupuk perdamaian dengan semua ciptaan yang tidak boleh dipisahkan dari kedamaian di antara semua orang."

Harapan Santo Yohanes Paulus adalah, "supaya inspirasi Santo Fransiskus boleh membantu kita untuk mengekalkan dan mewujudkan rasa 'persaudaraan' dengan semua perkara baik dan indah yang telah diciptakan Tuhan Yang Mahakuasa."



DOA PEMBUKAAN:

Jemput seorang ahli KED untuk mengatakan doa pembukaan

LAGU PEMBUKAAN:

Terpuji Allah Yang Ditinggi

1. Terpu-ji Allah yang di-tinggi
Mulia-kanlah Tuhan yang Esa
Hor-mat sanjungi nama-Nya
Untuk sela-manya

Korus:

Terpujilah Allah Tuhan

Raja segala Raja

Tia-da Tuhan selain-Nya

Yang layak t'rima pujian

2. Terpu-ji Allah yang di-tinggi
Bapa yang menyerah Anak-Nya
Menye-lamat umat manusia
Dari belunggu dosa

DIALOG:

Laudato Si adalah ensiklik Paus Fransiskus (surat kepausan) mengenai alam sekitar - tentang penjagaan tempat kediaman kita bersama. Paus Fransiskus menyatakan tujuan ensiklik adalah, "untuk membuka sesi dialog dengan semua orang mengenai tempat kediaman kita bersama." Satu dialog yang bermakna mengenai "bagaimana kita membentuk masa depan planet kita" apabila "kita menghadapi cabaran persekitaran, dan asal-usulnya bermula dari manusia, kebimbangan yang mempengaruhi kita semua." Oleh itu, Paus Fransiskus memanggil akan 'penukaran ekologi.' Kerana "misi kehidupan sebagai pelindung karya Tuhan adalah intipati kepada kehidupan yang baik."

Laudato Si menjelaskan bahawa "penguasaan" kita terhadap alam semesta harus difahami dengan lebih teliti sebagai pengawas yang bertanggungjawab. " Kita 'bertanggungjawab untuk menguruskan semua penciptaan kerana Tuhan menciptakan segala-galanya.' Dalam 'penggunaan dan pengurusan sumber-sumber yang diberikan oleh Tuhan, kita memberi kemuliaan kepada Tuhan dan kebaikan kepada Penciptaan-Nya. Kemuliaan dalam bentuk 'penghormatan kepada Tuhan dan penekanan kepada kekekalan.' Sebagai seorang Kristian, kita bertanggungjawab 'menjaga dan menggunakan dengan bijak karunia-karunia yang telah dianugerahkan oleh Tuhan.'

Bapa Mahakuasa kita 'memiliki' segalanya. Kita hanyalah 'pentadbir yang bertindak atas nama-Nya.' Oleh itu, kita 'bertanggungjawab dalam layanan kita terhadap Penciptaan Tuhan serta kelakuan kita terhadapnya.' Terutamanya dalam menguruskan Penciptaan-Nya bersesuaian 'dengan pelan dan tujuan-Nya.' Perumpamaan untuk yang berbakat (Matius 25: 14-30) mengajar kita bahawa pelayan-pelayan kepada Penciptaan Tuhan' akan dipanggil suatu hari untuk memberi penjelasan bagaimana mereka menguruskan apa yang Tuhan amanahkan kepada mereka.'

Rt. Rev. Uskup Bernard Paul DD (Keuskupan Melaka-Johor) telah menekan bagaimana "sikap kita yang acuh tak acuh terhadap perkara-perkara di dunia." Dia menegur agar kita berhati-hati terhadap sikap sedemikian, "Kami membaca di surat khabar tiap-tiap hari ... kenaikan aras permukaan laut yang memberi kesan buruk kepada masyarakat perikanan dan luar bandar, tindakan mencemarkan yang berunsur jenayah, pengabaian terhadap penciptaan dan hak-hak orang asli, tindakan pempupusan spesies dan sebagainya." Msgr. Michael Mannayagam (Ketua Bahagian Pembangunan Manusia, Keuskupan Melaka-Johore) menegaskan tindakan segera penting untuk "membetulkan beberapa kepercayaan palsu bahawa sumber-sumber semula jadi tidak akan kehabisan, dan kita berhak melakukan apa sahaja yang diinginkan ... "

(Petikan dari Buku Panduan MJD Lenten Animator, 2020-2022)

Kongsikan 2 persoalan ini di dalam kumpulan kecil

- Dalam satu perbualan dengan Tuhan; kongsi dengan Bapa, pemikiran anda, kebimbangan dan sebarang pertanyaan anda terhadap keadaan terkini Penciptaan-Nya.
- Sebagai pengawas Penciptaan Tuhan, apakah yang telah anda lakukan - atau gagal lakukan bersama keluarga anda, di tempat kerja dan di komuniti anda untuk memperjuangkan isu-isu persekitaran semasa?

DISCERNMENT:

Kejadian 1:31

Maka Tuhan melihat segala yang dijadikan-Nya itu, sungguh amat baik. Jadilah petang dan jadilah pagi, itulah hari keenam.

Renungan:

- Baca teks dengan suara yang kedengaran dan DENGAR dengan penuh keterbukaan.
- Baca dengan hening sendirian sehingga kamu menjumpai perkataan atau ayat yang menyentuh hatimu.
- Apakah yang dibisikkan oleh Roh Kudus melalui perkataan atau ayat tersebut?
- Apakah bicara kamu kepada Tuhan sebagai balasan kepada Firman-Nya?
- Kongsikan di dalam kumpulan kecil (3-4 orang).

Tindakan:

- Sebagai pengawas kepada penciptaan Tuhan; apakah perubahan yang boleh saya lakukan dalam kehidupan seharian yang sesuai dengan enam R (Refuse [Menolak], Reuse [Mengguna Semula], Regenerate [Menjana Semula], Repurpose [Memperbaharui Tujuan], Repair [Membaiki] dan Recycle [Mengitar Semula])?
- Apa amalan-amalan mesra alam yang akan anda lakukan?
- Kongsikan mereka dengan BEC anda